

21 MAY 2002

MAHATHIR-KOIZUMI/I

PERTEMUAN YANG BERJAYA ANTARA MAHATHIR DAN KOIZUMI

Oleh: Siti Hawa Othman

TOKYO, 21 Mei 21 (Bernama) -- Pertemuan antara Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan rakan sejawatannya Junichiro Koizumi hari ini disifatkan berjaya dengan Jepun memberi jaminan akan terus membantu Malaysia.

Bercakap kepada pemberita Malaysia lewat malam ini, beliau berkata dua perkara utama telah ditimbulkan pada pertemuan sebelah pagi di Sori Kantei (pejabat perdana menteri) iaitu penubuhan sekretariat Asean+3 dan pinjaman mudah untuk projek-projek di Malaysia.

Dr Mahathir berkata Jepun telah menyokong cadangan supaya sekretariat itu ditubuhkan di Malaysia.

Dr Mahathir berada di Jepun untuk lawatan kerja tiga hari. Beliau akan berlepas ke Korea esok untuk mengadakan lawatan rasmi.

Sementara itu, penubuhan sekretariat Asean+3 merupakan pengenalan ke arah formalisasi Perkumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) yang dicadangkan.

China telah menyuarakan sokongan lebih awal terhadap konsep EAEG sementara Korea pula begitu yakin terhadap idea berkenaan.

Ini ialah kerana presiden Korealah yang mencadangkan supaya Asean+3 menjadi lebih formal ke arah mewujudkan EAEG yang lebih besar.

Menyentuh mengenai pinjaman-pinjaman mudah, Dr Mahathir berkata satu daripada pinjaman seumpama itu telah tidak diluluskan ekoran timbul bantahan daripada beberapa pencinta alam Malaysia terhadap projek yang terbabit iaitu projek cadangan bekalan air untuk membawa air dari Pahang ke Selangor.

Beliau berkata bantahan oleh pencinta alam Malaysia ini telah diberi "pertimbangan serius" oleh Jepun.

Terdahulu hari ini, Dr Mahathir telah mengadakan pertemuan dengan Dr Kisho Kurokawa, arkitek untuk Lapangan Terbang Antarabangsa KL (KLIA) untuk membincangkan konsep "bio-valley".

"Kami mahu mewujudkan "bio-valley" dan menempatkan tiga institusi yang terlibat di dalam penyelidikan genomik," tambah beliau.

Beliau berkata Dr Kurokawa turut membawa beberapa ahli akademik dari pelbagai universiti yang terlibat di dalam penyelidikan tumbuhan dan baka binatang di samping beberapa syarikat farmasi untuk menjalankan penyelidikan untuk rawatan beberapa jenis penyakit.

Dr Mahathir berkata ahli-ahli akademik ini telah melahirkan minat untuk bekerjasama dengan Malaysia dan melatih para saintis Malaysia mengendalikan penyelidikan yang sofistikated.

"Bio-valley" itu akan terletak berdekatan dengan e-village dan e-village itu kemungkinan akan dimasukkan ke dalam projek "bio-valley" berkenaan, kata perdana menteri.

Beliau berkata konsep itu akan mengambil masa untuk direalisasikan kerana ia melibatkan penubuhan unit-unit penyelidikan dan kerajaan pula perlu menyediakan bangunan dan kemudahan-kemudahan lain.

Dr Mahathir berkata dengan konsep sedemikian, para saintis Malaysia boleh bekerjasama dengan saintis-saintis asing dari Jepun untuk mengendalikan penyelidikan.

Ditanya sama ada Jepun telah memberi jaminan untuk terus melabur di Malaysia, Dr Mahathir berkata "biarlah sektor swasta yang membuat keputusannya".

Bagaimanapun, beliau berkata seorang pegawai atasan untuk Keidanren telah memberitahu beliau yang Malaysia dan lain-lain negara Asean mempunyai

beberapa kelebihan dan masyarakat perniagaan di Jepun telah dinasihat untuk terus melabur di negara-negara Asean.

Keidanren ialah Pertubuhan Ekonomi Persekutuan Jepun. -- BERNAMA

SHO FR AA